



"BERTAUBATLAH SEBELUM TERLAMBAT".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا ﴿١٠﴾ ¹	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: مَنْ عَمِلْ سَئِئْرًا فَلْيَرْجُ الْيَوْمَ أَنْ يَرْجُوهُ وَرَدَّ عَلَىٰ رَأْسِهِ مِثْلَهُ ضِعْفًا أَكْبَرَ	4
Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita ini dirahmati Allah dengan mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat.	5
Khatib pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk "BERTAUBATLAH SEBELUM TERLAMBAT" .	6
Hadirin yang dirahmati Allah sekalian, Setiap insan memang tidak lepas daripada kesilapan dan dosa, tetapi persoalannya sejauh mana kita berusaha menghindarinya dan bertekad untuk bertaubat serta tidak mengulangi semula. Ada dalam kalangan umat Islam yang bersikap sambil lewa dalam hal ini, malah ada yang menyedari dosa yang dilakukan, tetapi masih menangguhkan hasrat untuk bertaubat dengan memberikan pelbagai alasan, sedangkan dosa dan maksiat yang dilakukan itu tidak akan memberi apa-apa ketenangan yang hakiki ke dalam jiwa pelakunya	7

¹ Nuh : 10.



<p>Ini dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Wabishah bin Ma'bad Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>الْبِرُّ مَا أَطْمَأَنَّتَ إِلَيْهِ النَّفْسُ وَأَطْمَأَنَّ إِلَيْهِ الْقَلْبُ وَالْإِثْمُ مَا حَاكَ فِي النَّفْسِ وَتَرَدَّدَ فِي الصَّدْرِ وَإِنْ أَفْتَاكَ النَّاسُ</p>	8
<p><i>"Kebaikan adalah apa yang mententeramkan jiwa dan hati. Dosa adalah apa yang meresahkan jiwa dan meragukan hati, meskipun orang memberi fatwa membenarkanmu."</i></p> <p>(Riwayat Ahmad).</p>	9
<p>Hadis tadi mengingatkan kita bahawa maksiat atau dosa yang dilakukan jika tidak dibasuh dengan taubat, akan meninggalkan kesan ketidaktenangan dalam hati, bahkan menyebabkan hati dipenuhi dengan titik-titik hitam sekiranya tidak segera bertaubat dan beristighfar kepada Allah SWT. Inilah bencana besar yang akan menimpa dirinya sehingga jika seluruh hati diselaputi karat dosa kerana pada waktu itu, hati tidak lagi menerima limpahan nur dari Allah SWT.</p>	10
<p>Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا أَذْنَبَ كَانَتْ نُكْتَةٌ سَوْدَاءٌ فِي قَلْبِهِ، فَإِنْ تَابَ وَنَزَعَ وَاسْتَغْفَرَ، صُقِلَ قَلْبُهُ</p>	11
<p><i>"Sesungguhnya seseorang mukmin itu apabila melakukan satu dosa, maka dititikkan dalam hatinya sebuah titik hitam. Apabila dia meninggalkannya dan istighfar serta bertaubat, hatinya dibersihkan."</i></p> <p>(Riwayat Ibnu Majah).</p>	12



<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Perlu diketahui bahawa perbuatan dosa terbahagi kepada dua, iaitu dosa kecil dan besar. Dosa kecil akan diampuni oleh Allah dengan segala amal kebaikan yang dilaksanakan seperti solat fardu, membaca al-Quran dan beristighfar. Sedangkan bagi dosa besar, ia tidak akan diampuni Allah kecuali dengan melakukan taubat yang bersungguh-sungguh dengan penuh penyesalan dan azam tidak akan mengulangi lagi perbuatan dosa tersebut. Inilah yang dinamakan sebagai taubat nasuha. Oleh itu setiap muslim hanya akan diampuni dengan melakukan taubat nasuha, sekali gus setiap Muslim bertanggungjawab mengetahui perkara yang dikategorikan sebagai dosa besar.</p>	13
<p>Imam al-Zahabi dalam kitab al-Kaba'ir menyenaraikan lebih 70 perkara sebagai dosa besar. Justeru, tiada istilah kita melakukan maksiat dengan alasan tidak tahu.</p>	14
<p>Setiap umat Islam perlu sedar akan setiap dosa dilakukan kerana apabila seseorang itu sedar bahawa perbuatannya itu adalah dosa, maka ia akan membawa kepada penyesalan dan seterusnya akan memohon taubat kepada Allah SWT. Ini kerana taubat adalah satu peluang yang sangat luas dikurniakan oleh Allah kepada orang-orang yang beriman dan menjadi kewajipan kepada setiap muslim mengambil kesempatan ini.</p>	15
<p>Firman Allah swt dalam surah An-Nur ayat 31:</p> <p style="text-align: center;">﴿٣١﴾ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ</p> <p><i>"Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya."</i></p>	16



<p>Berkaitan ayat ini, Imam Ibn Kathir menyatakan bahawa antara kejayaan dan kemenangan yang sebenar seseorang itu ialah dengan melaksanakan perintah Allah dan Rasul-Nya serta meninggalkan larangan-Nya.</p>	17
<p>Terdapat beberapa kaedah untuk seseorang itu bertaubat. Antaranya adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Menyesal akan segala dosa yang telah dilakukan.	18
<p>Sebagaimana hadis daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">الندمُ توبةٌ</p> <p style="text-align: center;">"Menyesali (dosa) itu adalah taubat."</p> <p style="text-align: right;">(Riwayat Ahmad).</p>	19
<ol style="list-style-type: none">2. Berazam untuk tidak mengulangi lagi akan dosa tersebut.3. Meninggalkan semua dosa dan maksiat selama-lamanya.4. Bertaubat dengan taubat nasuha	20
<p>sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Tahrim ayat 8:</p> <p style="text-align: center;">يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تُوبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا عَسَىٰ رَبُّكُمْ أَن يُكَفِّرَ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَيُدْخِلَكُم جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ...</p>	21



<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaubatlah kamu kepada Allah dengan Taubat Nasuha, mudah-mudahan Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan-kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai.”</i></p>	22
<p>Ayat tersebut merupakan seruan daripada Allah SWT kepada hamba-hambanya agar kembali bertaubat kepada-Nya dan Allah SWT menjanjikan keampunan kepada segala dosa yang pernah dilakukan. Selain daripada itu, sekiranya dosa yang dilakukan adalah dosa sesama manusia maka hendaklah terlebih dahulu memohon ampun dan maaf serta memulangkan segala yang diambil tanpa kebenaran sekiranya berkaitan.</p>	23
<p>Hadirin sidang Jumaat sekalian,</p> <p>Jangan jadikan alasan usia muda atau perjalanan hidup masih jauh lagi untuk menangguk taubat kerana kematian tidak pernah melihat pada tua atau mudanya usia. Meskipun pintu taubat itu terbentang luas, ia ada tarikh akhirnya. Pintu taubat itu akan tertutup pada saat seseorang itu hampir menuju kematian dan ketika dunia tiba ke detik akhirnya iaitu hari kiamat. Oleh itu segeralah bertaubat sebelum terlambat.</p>	24
<p>Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib menyeru kepada seluruh umat Islam supaya memberi perhatian kepada perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib meyakini bahawa perbuatan dosa akan mengundang kemurkaan Allah dan menghilangkan keberkatan dalam hidup.2. Umat Islam wajib bertaubat dan kembali kepada Allah SWT tanpa berlengah.3. Umat Islam wajib menjauhi segala dosa dan maksiat serta memperbanyakkan istighfar agar segala bala', wabak dan penyakit khususnya Covid-19 segera diangkat oleh Allah SWT.	25



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾</p>	26
<p><i>"Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dia lah jua Yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."</i></p> <p>(al-Zumar : 53).</p>	27
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ . وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Hadirin Jumaat yang berbahagia, Marilah kita terus bertaqwa kepada Allah SWT, bersatu-padu dan berpegang teguh kepada ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Kita juga hendaklah kekal terus berdisiplin dan wajib mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan dan Jabatan Agama Islam Selangor serta berdoa agar rantai virus Covid-19 dapat diputuskan.
5	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
6	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ.
7	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.



8	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالنَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاحُورٍ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ بْنِالسُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِّ
9	فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْتِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَاالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.
10	اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.
11	
12	عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠٦﴾
13	فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ ۖ إِنَّ نِعْمَهُ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.